

KERUNTUHAN KERAJAAN KESULTANAN MELAYU MELAKA MENURUT TEORI KITARAN IBNU KHALDUN

Abd Aziz A'zmi dan Farrah Wahida Mustafar

Fakulti Sains Sosial, Kolej Universiti Islam Melaka
abdaziz@kuim.edu.my

ABSTRAK

Kerajaan Kesultanan Melayu Melaka terkenal sebagai pusat perdagangan dunia sekitar abad ke 15 sebelum mengalami kemerosotan dan akhirnya mengalami keruntuhan selepas ditakluk Portugis. Pengkaji sejarah menyenaraikan pelbagai faktor keruntuhan kerajaan ini dengan penyumbang terbesarnya ialah faktor kelemahan dari dalam kerajaan itu sendiri. Ibnu Khaldun (1332-1406), dalam karyanya *Muqaddimah* menyatakan tentang Teori Kitaran, iaitu sesebuah tamadun atau empayar akan mengalami pembinaan, perkembangan dan kemerosotan. Walaupun beliau memfokuskan teori tersebut terhadap tamadun-tamadun yang pernah wujud di sekitar Tanah Arab, namun teori tersebut dilihat boleh diaplikasikan kepada lain-lain empayar dan kerajaan walaupun pada zaman yang berbeza. Penulisan ini akan memfokuskan kepada fasa kemerosotan dan kejatuhan kerajaan Kesultanan Melayu Melaka yang dihubungkan dengan Teori Kitaran Ibnu Khaldun.

Kata Kunci: Ibnu Khaldun, Teori Kitaran, Kerajaan Kesultanan Melayu Melaka

The Fall of Malacca Sultanate by Ibn Khaldun Cyclical Theory

ABSTRACT

The Malay Sultanate of Melaka is well-known as a world trade centres in the 15th century before its decline and fell to Portuguese imperialism. Historian tells many factors brought Melaka to its fall, mostly due to internal weakness of itself. Ibn Khaldun (1332-1406) in his masterpiece, Muqaddimah, says about Cyclical Theory which explained civilizations or empires are build, expand and decline. Though the focus of the theory is more related to the empires at Arabian Peninsula at his time, indeed the theory can be applied to other empires even at different ages. This writing is focusing more on the declination phase and the fall of the Malay Sultanate of Melaka which can be applied and related to Cyclical Theory of Ibnu Khaldun.

Keywords: *Ibn Khaldun, Cyclical Theory, the Malay Sultanate of Melaka*

PENGENALAN

Ibnu Khaldun, Sejarah dan Teori Kitaran

Ibnu Khaldun merupakan tokoh terkemuka Islam yang terkenal dengan teori dan penjelasan tentang masyarakat melalui analisis sejarah. Ibnu Khaldun berpendapat bahawa sejarah bukan hanya sekadar rakaman cerita tetapi sebagai satu ilmu yang wajar dikaji (Mohammad Abdullah Enan, 2014). Sejarah dikatakan sebagai ilmu yang membezakan antara kebenaran dan kepalsuan dalam merakamkan peristiwa kerana ia adalah sifat dan sebab kepada kewujudan sebenar. Kepentingan peristiwa dari segi perubahan yang pantas dan watak radikal pada perubahan yang menghasilkannya (Muhsin Mahdi, 2014).

Ibnu Khaldun (1332-1406) dalam karyanya *Muqaddimah* yang merupakan karangan pengenalan daripada tujuh jilid dalam penulisannya Kitab *al-'Ibar* atau dikenali juga buku pengajaran dari sejarah khususnya dalam masyarakat Arab badwi (M. Umer Chapra, 2008) telah menyatakan tentang Teori Kitaran, iaitu sesebuah tamadun atau empayar akan mengalami tempoh proses pembinaan, perkembangan dan kemerosotan. Secara ringkas, teori kitaran ini terbahagi kepada tiga generasi iaitu generasi awal yang memiliki semangat juang dan semangat kekitaan (*asabiyah*) yang tinggi, generasi kedua pula iaitu generasi yang memiliki keupayaan intelek, ilmu dan kemahiran manakala yang ketiga ialah, generasi yang lemah, hidup dalam serba kemewahan, tiada adab, akhlak dan jati diri yang akhirnya membawa kepada kejatuhan ketamadunan (Osman Bakar et al., 2018). Dalam Mohammad Abdullah Enan (2014) menjelaskan bahawa dalam tiga generasi ini mempunyai umur semula jadi dengan menganggarkan setiap satu generasi adalah selama 40 tahun, dengan demikian jangka hayat negara itu jarang sekali melebihi 120 tahun.

***Asabiyah* sebagai Kedaulatan**

Asabiyah dengan masyarakat Arab sangat sinonim disebabkan sikap semangat kekitaan di dalam puak atau kelompok yang sangat tinggi. Ibnu Khaldun berpendapat, untuk menguatkan kedaulatan sesebuah negara perlulah mempunyai *asabiyah*. Muhsin Mahdi (2014) mengatakan kesatuan yang lebih besar (*asabiyah kubra*) adalah yang menyatukan puak yang berpecah dan menyalurkan usaha mereka untuk memerangi dan menakluk kumpulan lain. Menurut T. Wahidin Soekarno (1985) mengatakan perkataan *asabiyah* berasal dari perkataan *asaba* yang bermaksud melilit atau mengikat sebuah benda dengan benda yang lain. Manakala *usabat* pula ialah suatu golongan yang bersepakat untuk bersama mempertahankan terus diri. *Asabiy* merupakan seorang yang menolong puak atau golongannya menentang tindakan permusuhan dari golongan yang lain atau seorang yang bersemangat bagi kepentingan golongannya lantas dia membela puaknya tanpa memperhitungkan sama ada puak atau golongannya itu benar atau tidak. Dengan demikian, ringkasnya *asabiyah* bermaksud seseorang yang mempunyai perasaan yang mendalam terhadap puaknya dan berpendapat adalah menjadi kewajipannya

dan tanggungjawabnya untuk mencintai dan membela golongannya sama ada golongan itu benar atau tidak.

Antara lain, *asabiyah* dapat dilihat apabila suasana peperangan berlaku dan wujudnya perpaduan sesama anggota sesuatu kumpulan dan dapat menentang puak lain dan menakluki serta menguasai mereka (Muhsin Mahdi, 2014). Menurut Syed Muhammad Naquib Al-Attas pula, *asabiyah* merupakan perjuangan yang berasaskan kepada keturunan atau darah, batas-batas ilmu alam atau geografi, bahasa, nasib politik yang sama dan tidak ada ideologi (T. Wahidin Soekarno, 1985). Mohammad Abdullah Enan (2014) menjelaskan *asabiyah* yang dijelaskan oleh Ibnu Khaldun boleh difahami sebagai (semangat negeri atau dinasti) iaitu kuasa dan pengaruh puak atau keluarga. Gambaran perkara yang menjadi kebanggaan orang Arab pada ketika itu adalah kemurnian darah, kefasihan bahasa, keindahan puisi, kekuatan pedang dan kudanya dan yang paling penting ialah kemuliaan keturunannya (*nasab*) (Philip K. Hitti, 2002). Hal ini berkait rapat dengan punca kuasa yang datang dari keturunan, namun begitu kemuliaan keturunan tersebut hanya mampu bertahan hingga empat generasi malah ia juga boleh menjangkau hingga kelima atau keenam tetapi dalam keadaan yang semakin lemah dan tidak kuat. Perkaitannya dengan teori kitaran, kedaulatan yang dirasai oleh kelompok atau suku sesuatu bangsa, umumnya dapat bertahan sama seperti yang telah dijangkakan oleh Ibnu Khaldun. Baik sama ada satu generasi dapat bertahan selama 40 atau satu pemerintahan dapat bertahan selama 120 tahun yang bersamaan dengan tiga atau empat generasi.

Pemerintahan Selepas *Khulafa' Al-Rasyidin*

Perkembangan tamadun Islam boleh dibahagikan kepada empat peringkat iaitu zaman Nabi Muhammad dan Khulafa' al-Rasyidin (Saidina Abu Bakar, Saidina Umar, Saidina Uthman dan Saidina Ali) (610 M - 660 M), zaman Bani Umayyah (660 M - 750 M), zaman Bani Abbasiyah (750 M - 1261 M), zaman Bani Mughuliyah dan zaman Bani Uthmaniyah (1261 M - 1924 M) (Zarina Muhammad, 2002; Karen Armstrong, 2000). Penguasaan Bani Umayyah bermula di Andalusia yang berpusat di Damsyik. Kerajaan Islam di Andalusia yang juga dikenali sebagai kerajaan Umayyah, mengalami kejatuhan disebabkan oleh berlaku perebutan kuasa dalam kalangan ahli keluarga untuk menjadi khalifah dan kemudiannya tindak tanduk khalifah yang dilihat zalim dan tidak adil (Suhaila Sharil, 2017; Sharif, 2016). Antara lain, punca kejatuhan kerajaan Islam Andalusia juga adalah disebabkan kepelbagaian budaya yang akhirnya merenggangkan hubungan sesama mereka dan mengakibatkan kerajaan menjadi lemah (Mohd Roslan Mohd Nor, 2011).

Ketika berakhirnya zaman pemerintahan Abbasiyah mulai menurun dalam bidang politik, meskipun falsafah dan ilmu pengetahuan terus berkembang. Dalam zaman ini banyak tentangan dan gerakan politik yang mengganggu kestabilan, baik dari kalangan Bani Abbas sendiri mahupun dari luar. Disamping kelemahan khalifah, banyak faktor lain yang menyebabkan khilafah Abbasiyah menjadi mundur, masing-masing faktor tersebut saling berkaitan satu sama lain. Antara lain adalah persaingan antarabangsa, kemerosotan ekonomi, konflik keagamaan dan

ancaman dari bangsa luar (Sidi Gazalba, 1986). Manakala kerajaan Islam di Sepanyol pula, punca utama kejatuhan adalah disebabkan oleh perpecahan, sikap fanatik terhadap kaum masing-masing gagal menyatukan penduduk Sepanyol di bawah satu ideologi menyebabkan pemerintahan Sepanyol terpecah-pecah. perebutan kuasa dan kelemahan diri pemerintah. Kemajuan peradaban Islam akhirnya mempengaruhi lahirnya reformasi dan kebangkitan Eropah yang memusnahkan kerajaan ini (Mohamad Nurhakim, 2008).

Berdasarkan pengamalan dan perjalanan sejarah telah membuktikan bahawa kerajaan di bawah pemerintahan khalifah Abbasiyah dan Umayyah, kerajaan Saljuk, Safavid dan Monggol telah bangkit dan jatuh mengikut pola yang dikemukakan oleh Ibn Khaldun (Ahmed Adam Okene & Shukri Ahmad, 2011).

Melaka dan Kejatuhan Kesultanan Melayu

Kerajaan Kesultanan Melayu Melaka terkenal sebagai pusat perdagangan dunia sekitar abad ke 15 sebelum mengalami kemerosotan dan akhirnya mengalami keruntuhan selepas ditakluk Portugis. Terdapat pelbagai faktor keruntuhan kerajaan ini dengan penyumbang terbesarnya ialah faktor kelemahan dari dalam kerajaan itu sendiri. Menerusi *Sejarah Melayu* dan *Tuhfat al-Nafis*, faktor-faktor yang membawa kepada kejatuhan kerajaan Melayu terbahagi kepada dua bahagian iaitu faktor luaran dan dalaman (Arba'iyah Mohd Noor, 2014). Dengan demikian, dalam penulisan sejarah telah membuktikan bahawa kejatuhan kesultanan Melayu Melaka mempunyai persamaan dengan peristiwa sejarah Islam yang selari dengan Teori Kitaran yang dibahaskan oleh Ibnu Khaldun. Dengan demikian, objektif artikel ini ialah memfokuskan kepada fasa kemerosotan dan kejatuhan kerajaan Kesultanan Melayu Melaka yang dihubungkan dengan Teori Kitaran Ibnu Khaldun.

KERAJAAN KESULTANAN MELAYU MELAKA: SATU IMBASAN

Parameswara merupakan individu yang bertanggungjawab memulakan sebuah ketamadunan baru di sebuah perkampungan kecil yang kemudiannya diberi nama "Melaka". Kisah sejarah memaparkan pembukaan Melaka adalah kesinambungan daripada kerajaan Srivijaya yang merupakan tempat asal usul keturunan Parameswara. Sejak sekian lama, Melaka dipercayai telah diasaskan pada tahun 1400. Namun, pengkaji sejarah dalam beberapa siri wacana akademik terbaharu telah menyatakan hasil kajian mereka dengan menyatakan kerajaan Kesultanan Melayu Melaka telah wujud lebih awal iaitu pada tahun 1262 (Abdul Rahman Ismail, Abdullah Zakaria Ghazali & Zulkanain Abdul Rahman, 2012).

Perkembangan Melaka turut seiring dengan perkembangan ajaran Islam di Alam Melayu. Pelabuhan Melaka menjadi pusat tumpuan pedagang sekaligus menarik kehadiran pedagang yang juga pendakwah Islam. Peranan pemerintah amat penting dalam memberi keizinan kepada pada pendakwah untuk mengembangkan agama Islam di Melaka. Parameswara menerima ajaran Islam yang dibawa oleh Sayid Abdul Aziz yang datang dari Tanah Arab untuk berdagang di Melaka, manakala keturunannya terus menjadi pembimbing agama kepada kerabat diraja dan sultan-sultan yang seterusnya (Ahmad Fauzi Abdul Hamid, 2013).

Parameswara kemudiannya menggunakan nama yang berunsurkan Islam iaitu dengan gelaran Sultan Iskandar Shah. Selaras dengan konsep pemerintah dalam Islam, perubahan penggunaan gelaran dilakukan daripada “raja” yang terbit daripada pengaruh Hindu-Tamil kepada gelaran “sultan” (Afifah Abu Yazid, 2003). Penggunaan istilah “sultan” dan “syah” amat sinonim dengan imej Islam sepertimana gelaran Syah Alam Akbar yang digunakan oleh raja-raja Demak yang menunjukkan pengaruh Parsi (Omar, Sudarjo, & Suud, 1994). Pengislaman raja Melaka diikuti oleh rakyatnya yang setia. Sejarah Melayu menyebut, pengislaman seluruh negeri Melaka bermula daripada pemerintahnya, pembesar dan rakyat. Melaka juga berperanan sebagai agen pengislaman kerajaan-kerajaan di sekitarnya melalui kaedah perdagangan, perkahwinan dan penaklukan (Syaimak Ismail & Mohamad Firdaus Mohd Isa, 2018).

Era perkembangan kerajaan ini diteruskan oleh Sultan Megat Iskandar Shah, diikuti Sultan Muhammad Shah dan Sultan Abu Shahid. Setelah empat orang sultan memerintah dan membangunkan Melaka, empayar ini mencapai era kegemilangannya ketika pemerintahan Sultan Muzaffar Shah, Sultan Mansur Shah dan Sultan Alauddin Riayat Syah. Pada ketika ini perdagangan di Melaka amat maju apabila pelabuhannya menjadi pelabuhan yang terkenal dan disinggahi oleh ramai pedagang dari pelbagai pelusuk dunia. Terdapat catatan yang menyatakan, ketika pemerintahan Sultan Alauddin Riayat Shah, Melaka amat terkenal sehingga dikunjungi lebih kurang 40 ribu orang daripada pelbagai bangsa dari seluruh dunia (Winstedt, 1935). Bagi menggambarkan kehebatan Melaka pada ketika itu beberapa penulis Portugis pernah membuat catatan mengenai pandangan mereka mengenai Melaka. Tom Pires menyatakan, di pelabuhan Melaka terdapat 84 bahasa yang berlainan digunakan dalam urusan seharian. Duarte Barbosa pula berpandangan, bandar Melaka adalah pelabuhan yang terkaya dengan jumlah perdagangan borong terbesar serta perkapalan dan perdagangannya sungguh banyak yang boleh didapati dari seluruh dunia (Zainal Abidin Abdul Wahid, 1990). Status Melaka sebagai pelabuhan perdagangan dunia tidak boleh dinafikan kerana terdapat pelbagai catatan asing yang menyebut mengenainya. Pencapaian tersebut juga merupakan satu faktor yang amat dibanggakan dan menunjukkan perkembangan aktiviti kerajaan dan rakyatnya (Suhaila Abdullah, 2013).

Di sebalik kemasyhuran nama Melaka, faktor kecekapan pembesarnya amat menyumbang kepada kemajuan empayar ini. Bendahara Tun Perak dikenali sebagai seorang pembesar yang pintar dan serba boleh dalam membantu pemerintahan sultan. Di bawah pentadbirannya sebagai Bendahara, keluasan empayar Melaka semakin luas sehingga beliau dianggap sebagai “Pembina Empayar”. Peluasan jajahan takluk Melaka yang merangkumi negeri-negeri di pesisir kiri dan kanan Selat Melaka membolehkan empayar ini mengawal perdagangan di Selat Melaka dan menyebarkan agama Islam (Ahmad Jelani Halimi, 2008). Selain itu, pelbagai lagi faktor yang menyumbang kepada kebangkitan Melaka sebagai kuasa besar perdagangan dunia. Antaranya, faktor geografi dan semula jadi yang sememangnya memberi manfaat kerana lokasinya di Selat Melaka yang terletak di tengah-tengah laluan perdagangan timur dan barat. Selain itu pengaruh agama Islam diterapkan dalam penggubalan sistem perundangan, kesenian, kesusasteraan dan pendidikan di samping sistem pentadbiran yang cekap serta nilai kepimpinan sultan

dan pembesar yang menjalankan tanggungjawab sebagai pemimpin dengan beramanah (Afifah Abu Yazid, 2003). Pelbagai faktor dan elemen menjadi sumber kekuatan kerajaan Melayu Melaka untuk memulakan ketamadunannya dan berkembang sehingga menjadi sebuah empayar agung.

Memasuki abad ke-16, apabila Sultan Alauddin Riayat Syah menyerahkan takhta kepada anaknya, Raja Mamat, baginda kemudiannya mengguna gelaran Sultan Mahmud Syah (Kheng, 1998). Empayar Melaka pada ketika itu sudah terlalu kaya, hebat dan dilimpahi kemewahan. Sultan Mahmud membesar dalam suasana kehidupan yang senang. Baginda juga dilantik sebagai sultan pada usia yang muda. Akibatnya, Sultan Mahmud tidak meneruskan kecemerlangan legasi yang ditinggalkan generasi terdahulu. Baginda dilihat tidak memiliki sifat-sifat terpuji seperti yang ada pada ayahanda dan nendanya (McRoberts R. W., 1984). Maka, ketika pemerintahannya, berlaku pelbagai konflik yang melemahkan kekuatan empayar itu sendiri dari dalam. Sultan Mahmud merupakan sultan ke lapan kerajaan Kesultanan Melayu Melaka yang juga merupakan sultan dalam era kemerosotan. Selain faktor kelemahan pemerintahan dan perpecahan dalaman, faktor luaran turut menjadi manifestasi keruntuhan empayar ini secara mutlak. Kedatangan Portugis pada 1509 bertujuan untuk menguasai perdagangan rempah, dan Melaka adalah sasaran ketiga Portugis untuk dikuasai sebagai pangkalannya selepas Goa dan Ormuz (McRoberts R. W., 1991). Kedatangan Portugis ke Melaka bukan hanya untuk berniaga, cogan kata *gold, glory and gospel* yang menjadi asas perjuangan mereka memanglah benar (Zainal Abidin Abdul Wahid, 1990). Faktor perkembangan agama Islam dan kemegahannya sebagai pusat perdagangan menarik kuasa Eropah ini untuk cuba menaklukinya. Tahun 1511, pemerintahan Melaka diketuai oleh Sultan Ahmad Syah, (Muhammad Yusof Hashim, 1990) anakanda kepada Sultan Mahmud Syah. Pada tahun yang sama juga, Sultan Ahmad Syah menanggung akibat yang sangat dahsyat apabila kelemahan dan perpecahan yang wujud sejak pemerintahan ayahandanya menyebabkan Melaka runtuh selamanya selepas diserang Portugis.

TEORI KITARAN IBNU KHALDUN

Nama penuh Ibn Khaldūn adalah al-cAllāmah Walī al-Dīn Abū Zayd cAbd al-Rahmān Ibn Muḥammad Ibn Khaldūn (Mohammad Abdullah Enan, 2015). Nama sebenar beliau adalah cAbd al-Rahmān, manakala Walī al-Dīn adalah laqabnya bersempena dengan pelantikannya sebagai mufti mazhab Maliki di Mesir. 'Abū Zayd' pula adalah panggilan yang merupakan bapa kepada anak lelakinya iaitu Zayd. Gelaran Khaldun yang terpakai pada beliau adalah dinasabkan kepada nama datuknya yang kesembilan iaitu Khalid ibn cUthmān. Nama Khalid ditukarkan kepada Khaldun kerana mengikut adat orang Arab, di mana ditambah perkataan khālid (خالد) dengan huruf 'waw' dan 'nun' untuk menunjukkan kebesaran seseorang itu apabila digunakan dengan kata jamak (cAlī cAbd al-Wāhid Wāfi, 1962 dalam (Wan Mohd Fazrul Azdi Wan Razali , 2018).

Ibnu Khaldun digelar Bapa Sosiologi kerana sumbangannya dalam perkembangan ilmu kemasyarakatan khususnya mengenai ketamadunan. Antara karya agungnya yang banyak menjadi rujukan masyarakat dunia ialah *Muqaddimah*.

Bermula dari pengalaman dan penelitiannya yang tajam, Ibnu Khaldun mengutarakan idea-idea kritis tentang isu berkaitan kemasyarakatan dan kenegaraan. Lahirnya *Muqaddimah* adalah daripada pengantar kitab *Al-'Ibar* yang diselesaikannya pada usia beliau 45 tahun (YADIM, 2015). Ibnu Khaldun, dalam karya tersebut ada mengutarakan Teori Kitaran yang menjelaskan kebangkitan, kegemilanan dan kejatuhan sesebuah tamadun atau kerajaan. Teori ini menganggap sesebuah kerajaan atau tamadun adalah seperti makhluk yang diciptakan bermula dengan kelahiran, membesar, matang dan akhirnya mati (Önder & Ulaşan, 2018). Sewaktu hayatnya, Ibnu Khaldun menyaksikan sendiri beberapa kerajaan Islam melalui proses kebangkitan dan kejatuhan. Beliau membuat kajian terhadap kerajaan muslim yang pernah wujud tujuh abad terdahulu khususnya di Utara Afrika. Beliau menyatakan persamaan proses yang berlaku di tempat dan masa yang berbeza (Baali, 1988). Akibat kelekaan para pemerintah dan rakyatnya, tamadun yang hebat, jatuh dan berakhirnya riwayat sebuah negara kota.

Sesebuah tamadun yang dibina akan melalui fasa gemilang, namun kemudiannya runtuh dan digantikan dengan suatu tamadun atau kerajaan yang lain. Perubahan gaya hidup kepada bermewah-mewahan menjadi punca kepada kejatuhan masyarakat dan ketamadunannya. Hal ini dijelaskan oleh Bolton (2017) bahawa sesuatu kaum mempunyai solidariti yang amat kuat, berani dan rajin akan berubah kepada sebaliknya dan menjurus kepada sikap individualistik akibat gaya hidup bermewahan. Perkara ini juga dijelaskan secara terperinci oleh Linda T. Darling (2007). Menurutnya, Ibnu Khaldun menekankan semangat kekitaan (*asabiyyah*) yang kuat dalam kumpulan kabilah dari padang pasir telah berjaya menawan bandar yang diduduki oleh kabilah yang telah pudar semangat kekitaannya, lalu kabilah tersebut membina ketamadunan mereka sendiri. Walaupun bandar tersebut mempunyai autoriti pemerintahan yang sah dan mempunyai tentera sebagai benteng, namun bandar berkenaan tetap dapat ditawan disebabkan ikatan *asabiyyah* yang telah menyatukan kabilah tersebut, didasari oleh tali persaudaraan dan agama. Begitu juga seterusnya, setelah lama kabilah tadi berkuasa, pada satu tahap semangat *asabiyyah* mereka juga akan pudar disebabkan kejayaannya mengecapi kemewahan hingga membawa kepada sikap bersenang-lenang, bermalas-malasan dan akhirnya melupakan perjuangan terdahulu mereka. Pada tahap ini, mereka terdedah untuk ditawan oleh kabilah lain yang memiliki semangat *asabiyyah* yang kuat sebagaimana mereka dahulu menawan bandar tersebut. Situasi inilah yang dikatakan kitaran kepada sesebuah ketamadunan yang banyak bergantung kepada semangat *asabiyyah* kabilah atau kaum tertentu (Darling, 2007).

Ibnu Khaldun menjelaskan konsep *asabiyyah* boleh dirumuskan sebagai indikator penyumbang kepada kebangkitan dan kejatuhan sesuatu ketamadunan. Menurut Ibn Khaldun, sesebuah pemerintahan atau ketamadunan tidak akan runtuh atau mati secara mengejut, sebaliknya proses berkenaan akan berlaku secara beransur-ansur. Hal ini bermakna, sesebuah negara yang terbina, secara semula jadi turut membawa bersama benih-benih kemusnahan sejak awal pengasasannya. Terdapat dua faktor yang membawa kejatuhan sesebuah pemerintahan, iaitu faktor dalaman dan faktor luaran. Antara faktor dalaman tersebut ialah kelunturan semangat *asabiyyah*, pembentukan terlalu banyak kumpulan *asabiyyah*, kezaliman

dan ketidakadilan sosial, kemewahan yang melenyapkan kesedaran beragama, ketidakstabilan politik dan kelemahan pemerintah (Siti Nor Azhani & Adlina, 2012). Dalam konteks Alam Melayu pula, faktor luaran yang menjadi punca utama kejatuhan sesebuah tamadun atau kerajaan ialah berlakunya serangan dari luar, tanpa menafikan terdapat juga kelemahan dalaman sebagai faktor pembantu (Wan Hashim Wan Teh, 1997). Teori Kitaran Ibnu Khaldun telah menjelaskan fasa-fasa yang dialami oleh setiap tamadun. Maka, pandangan beliau kini diaplikasikan terhadap keruntuhan kerajaan Kesultanan Melayu Melaka. Tiga fasa yang dimaksudkan ialah:

- i) Tahap awal atau kelahiran yang dicirikan oleh perasaan kekitaan atau *asabiyyah* bagi memenuhi keperluan asas;
- ii) Tahap kehidupan menetap atau bertamadun yang dicirikan oleh kelahiran sistem berkerajaan yang melahirkan golongan pemerintah yang berbeza kehidupan mereka daripada rakyat jelata, kemudiannya disusuli oleh pertumbuhan bandar. Walau bagaimanapun, kelas pemerintah akan dibuai kemewahan dan perasaan semangat kekitaan dalam kalangan rakyatnya menjadi lemah, dan;
- iii) Tahap lemah atau kejatuhan yang disebabkan oleh peningkatan kemewahan dan kelunturan semangat kekitaan. Ini membawa kepada perpecahan politik dan ekonomi (Wan Hashim Wan Teh, 1997).

Fasa 1: Kebangkitan

Permulaan kepada terdirinya sesebuah tamadun sama ada pelopor atau pengganti tamadun sebelumnya amat berkait rapat dengan konsep *asabiyyah* yang dinyatakan oleh Ibnu Khaldun. Dalam konteks Alam Melayu khususnya kerajaan Melayu Melaka, ia diasaskan oleh Parameswara yang merupakan seorang berketurunan diraja dari Palembang, Srivijaya. Pada ketika itu beliau dan rombongannya telah kehilangan kerajaan akibat serangan musuh iaitu Majapahit (Muhammad Yusof Hashim, 1990). Dalam kesusahan yang dilalui bersama, kekuatan *asabiyyah* menyatupadukan mereka dalam usaha membina semula pemerintahan yang telah ditewaskan Majapahit. Mereka akhirnya menemui suatu tempat yang dirasakan bertuah dan sesuai untuk memulakan pemerintahan yang baru. Era permulaan dan perkembangan Melaka secara umumnya berjalan dengan baik. Catatan sejarah tidak memerihalkan wujudnya huru-hara atau kepincangan yang mematikan atau meruntuhkan proses pembinaan tamadun ini. Pemerintah menjadi contoh dan teladan kepada rakyat. Pada peringkat ini, wujud hubungan timbal balik yang harmoni antara pemerintah dan juga rakyat. Selain raja bersikap adil dan saksama, rakyat pula bersifat taat dan menjunjung institusi diraja. Hasilnya, semangat *asabiyyah* mulai meluas tidak hanya dalam kalangan kerabat diraja dan pengikut tetapi merangkumi rakyat jelata yang rela diperintah oleh seorang raja demi keamanan dan kemajuan kerajaan yang telah diasaskan.

Selepas Islam mula tersebar dan usaha-usaha dakwah giat dijalankan, *asabiyyah* kini berpaut kepada kekuatan akidah dan iman yang menjadi teras agama Islam dalam masyarakat. Semangat beragama boleh meredakan pertentangan dan iri hati dalam kalangan kaum yang berkongsi perasaan kekitaan. Kekuatan itu

membawa mereka bertumpu ke arah mencari kebenaran. Setiap daripada mereka mempunyai pandangan dan tujuan yang sama hasil daripada kesatuan *asabiyyah* dalam beragama. Mereka rela berkorban demi mencapai cita-cita perjuangan (Ibnu Khaldun, 2009 dalam (Siti Nor Azhani & Adlina , 2012). Pernyataan ini menjelaskan wujudnya kesatuan masyarakat dan pemerintah dalam pelbagai aspek kerana mereka berpegang pada jalan agama. Maka, pastinya kesatuan itu membawa sesebuah tamadun ke satu tahap yang lebih baik iaitu era kegemilangan.

Fasa 2: Kegemilangan

Pada fasa ini, Ibnu Khaldun mengekspresikan kehebatan atau kekuatan semangat kekitaan dalam sesebuah bangsa dapat menentukan jatuh bangunnya sesebuah tamadun. Kedaulatan kuasa adalah diakibatkan oleh kekuatan, kekuatan itu adalah diakibatkan oleh perasaan kekitaan (Siti Nor Azhani & Adlina , 2012). Selain faktor *asabiyyah* yang dikaitkan dengan persamaan latar belakang keturunan atau kaum, satu lagi punca kepada pengukuhan *asabiyyah* ialah agama. Ibn Khaldun menegaskan bahawa agama yang mendukung kehidupan moral yang tinggi mampu dijadikan penyelamat kepada keruntuhan tamadun manusia (Sharif, 2016). Dalam satu peristiwa di saat ayahanda Sultan Mahmud iaitu Sultan Alauddin Riayat Syah I sedang gering, baginda berwasiat kepada anakandanya agar berlaku adil dan mengutamakan agama dalam pemerintahan agar kerajaan yang dipimpinnya tidak dibinasakan Allah. Baginda berwasiat:

“Dan jikalau datang dua pekerjaan, suatu pekerjaan Allah dan suatu pekerjaan dunia, maka dahulukan olehmu pekerjaan Allah daripada pekerjaan dunia. Hendaklah engkau sangat-sangat menyerahkan dirimu kepada hadrat Allah Taala yang akan memelihara akan kamu, kerana wa manyatawakkal ‘alallah, dan segala anak Melayu bagaimanapun besar dosanya, jangan olehmu diaifi (dimalukan) dia, dan sampai kepada hukum syarak dosanya derhaka, bunuhlah; kerana segala Melayu itu ketanahmu, seperti kata Arab: “Al-‘abdi tinu’l-maulahu, yang hamba itu tanah tuhaninya. Jikalau engkau bunuh ia tiada dengan dosanya, bahawa kerajaannmu binasa. Hei anakku, hendaklah engkau turut dan engkau ingat wasiatku ini, dan kau kerjakan, supaya berkat diberi Allah subha nahu wa taala” (A. Samad Ahmad , 1986)

Ibnu Khaldun menekankan kekuatan agama sebagai faktor yang mengukuh semangat *asabiyyah* sesuatu kumpulan. Menurutnya, agama bukan hanya mengenai perundangan moral tetapi merangkumi segala aspek dalam kehidupan. Apabila sifat khianat dan tidak jujur menguasai manusia dalam mengejar kekayaan, masyarakat akan berada dalam keadaan yang tidak menentu, lalu menimbulkan perbuatan rasuah yang akhirnya akan merosakkan tamadun itu sendiri (Bolton, 2017)

Fasa 3: Kejatuhan

Pada tahap ini, kemerosotan dapat dilihat dengan jelas apabila berlaku banyak kepincangan dalam pemerintahan dan kehidupan masyarakat disebabkan tindakan

atau perbuatan yang tidak adil para pemerintah. Bahagian ini akan diperjelas secara terperinci berkaitan peristiwa-peristiwa yang berlaku ketika era pemerintahan Sultan Mahmud Syah – peristiwa yang dikaitkan dengan faktor-faktor kejatuhan sebuah tamadun seperti pandangan Ibnu Khaldun.

Beliau memperkenalkan konsep kezaliman (*zulm*) dan ketidakadilan. Pada pandangannya, berleluasanya kezaliman dan ketidakadilan adalah penyumbang paling utama kepada keruntuhan sesebuah peradaban kerana menurut beliau kezaliman dan ketidakadilan memusnahkan perkembangan kecerdasan manusia dari segi fizikal dan mental, sekali gus membunuh semangat untuk menyara kehidupan. Faktor ini diterjemahkan sebagai penyalahgunaan kuasa, penyalahgunaan harta orang lain, menggunakan buruh paksa, menafikan hak orang lain dan menekankan dakwaan yang tidak benar ke atas orang yang tidak bersalah. Kelihatannya kezaliman itu adalah kekuasaan yang eksklusif bagi orang-orang yang gagah dan berkuasa (Siti Nor Azhani & Adlina, 2012). Selepas kemangkatan Sultan Alauddin Riayat Syah I, baginda digantikan oleh anakandanya, Sultan Mahmud Syah I. Walaubagaimanapun, gaya pemerintahan dan sikap yang ditonjolkan oleh Sultan Mahmud Syah I amat berlainan daripada ayahandanya yang mementingkan aspek agama dan keadilan dalam pemerintahannya. Baginda Sultan Mahmud Syah I dilihat sebagai sultan yang membuat keputusan tanpa usul periksa, pentingkan diri dan terlalu mengikut hawa nafsu, mudah dipengaruhi fitnah dan perasaan hasad dengki, banyak berlaku penindasan dan kezaliman sepanjang pemerintahannya. Berlakunya fitnah dan rasuah yang berleluasa juga telah menyebabkan sultan dan pembesar tertentu hilang pertimbangan demi mencapai niat dan kehendak masing-masing. Kelemahan ini telah menyebabkan banyak berlaku konflik dalaman dan hukuman yang tidak adil yang akhirnya melemahkan perpaduan masyarakat dan taat setia kepada kerajaan.

McRoberts (1984) menyatakan penulis Sejarah Melayu meletakkan kesalahan kepada Sultan Mahmud Syah I sebagai punca kepada kejatuhan kerajaan Kesultanan Melayu Melaka akibat sikap dan pelbagai peristiwa negatif yang berlaku sebelum tahun 1511. Sultan Mahmud dilihat sebagai pemimpin yang diumpamakan sebagai *evil*, lemah dan tidak boleh dikenakan tindakan undang-undang. Sultan Mahmud dikatakan mempunyai sikap yang tidak tekun dan konsisten dalam mempelajari ajaran agama Islam, merampas sesuka hati harta daripada orang yang tidak disukainya serta sering berlaku tidak adil. Sultan Alauddin secara tidak langsung memberi gambaran sekiranya pemerintahan anakandanya dijalankan secara tidak adil dan terburu-buru dengan menghukum orang yang tidak bersalah, ia adalah satu perkara yang sia-sia dan akan membawa kepada kehancuran kerajaan (McRoberts 1984). Perkara ini dapat dikaitkan secara kebetulan apabila berlaku peristiwa fitnah terhadap Bendahara Tun Mutahir sehingga beliau dan keluarganya dihukum bunuh oleh Sultan Mahmud tanpa usul periksa. Perilaku dan tindakan Sultan Mahmud Syah I mempamerkan dirinya yang bersifat pendendam, cemburu dan tidak berperikemanusiaan apabila telah beberapa kali menyebabkan pembunuhan insan yang tidak bersalah. Bendahara Tun Mutahir merupakan salah seorang pembesarnya yang dihukum bunuh akibat rasa dendam dan termakan khabar fitnah. Bendahara Tun Mutahir mempunyai seorang anak perempuan bernama Tun Fatimah. Rupa parasnya dikatakan sangat cantik menawan pada ketika itu dalam kerajaan Melaka,

namun Bendahara Tun Mutahir tidak memberitahu apatah lagi ingin menunjukkan Tun Fatimah kepada Sultan Mahmud. Suatu ketika, apabila sultan mendapat tahu mengenai Tun Fatimah dan telah melihat sendiri rupa parasnya, baginda berkenan untuk memperisterikan Tun Fatimah. Dalam masa yang sama baginda berasa murka terhadap Bendahara Tun Mutahir kerana bertindak menyembunyikan Tun Fatimah daripada pengetahuannya. Apabila mengetahui sultan berkenan kepada Tun Fatimah, Bendahara Tun Mutahir dengan segera mengahwinkan anakandanya itu dengan Tun Ali yang juga merupakan anak saudaranya. Perkara tersebut telah menambah kemurkaan baginda sultan dan menyimpan dendam terhadap Bendahara Tun Mutahir. Peristiwa ini tercatat dalam karya Sejarah Melayu (Sulalatus Salatin) pelbagai versi dan diulas kembali oleh Wilkinson (1912, 1935), Cheah (1998) dan Yusof (2015).

Selain peristiwa pembunuhan Bendahara Tun Mutahir, beberapa siri hukuman bunuh juga pernah berlaku sebelum peristiwa fitnah tersebut. Sultan Mahmud sememangnya dengan mudah menjatuhkan hukuman bunuh apabila ada sesuatu perkara yang tidak berkenan di hantunya. Seri Bija Diraja dari Singapura telah datang ke Melaka ketika upacara pertabalan Sultan Mahmud setelah kemangkatan ayahandanya. Dalam majlis tersebut, Bendahara Tun Mutahir berkata sesuatu kepada Seri Bija Diraja:

“Orang Kaya, Yang Dipertuan berumanat, marhum akan ganti baginda kerajaan”. Maka sahut Seri Bija Diraja, “Beta tiada mendengar umamat marhum”.

Secara kebetulan perkataan Seri Bija Diraja itu telah didengari oleh Sultan Mahmud namun baginda hanya mendiamkan diri. Baginda menganggap perkataan Seri Bija Diraja itu bermaksud beliau tidak suka bersultankan baginda lalu mula menyimpan perasaan dendam kepada Seri Bija Diraja (Yusof, 2015:137). Dalam satu peristiwa lain yang juga melibatkan Seri Bija Diraja, beliau telah lewat tiba ke Melaka untuk menghadiri majlis sambutan Hari Raya. Setibanya Seri Bija Diraja ke Melaka dan mengadap Sultan Mahmud, baginda berasa murka kerana menganggap Seri Bija Diraja sengaja melewatkan kedatangannya dan perbuatan itu dianggap sebagai satu penderhakaan dan ketidaksetiaan terhadap titah sultan. Sultan Mahmud mengarahkan agar Seri Bija Diraja Singapura dihukum bunuh. (Wilkinson 1935; Cheah, 1998).

Maka titah baginda, “Apa sebabnya maka Seri Bija Diraja lambat mudik? Tiadakah Seri Bija Diraja tahu akan adat? Tahulah kita akan kehendak Seri Bija Diraja. Tiada suka bertuan akan kita. Hendak bertuan ke Kampar”. Maka disuruh bunuh. (Yusof, 2015:144).

Hukuman bunuh terhadap Seri Bija Diraja Singapura dipercayai ada perkaitan dengan dendam Sultan Mahmud terhadap beliau kerana perkataannya yang mendatangkan rasa tidak berkenan baginda ketika majlis pertabalannya sebagai sultan. Peristiwa ini turut menunjukkan bahawa Sultan Mahmud menjatuhkan hukuman bunuh dengan sesuka hati terhadap pembesarnya sendiri hanya kerana kesalahan kecil, malahan tiada budi bicara dalam mengendalikan situasi tersebut.

Sifat cemburu Sultan Mahmud juga turut meragut satu nyawa yang juga merupakan adik kandungnya sendiri iaitu Raja Zainal Abidin. Raja Zainal Abidin

dikatakan mempunyai rupa paras yang tampan dan lebih baik daripada Sultan Mahmud sehingga adiknya itu diminati oleh ramai gadis. Diceritakan dalam Sejarah Melayu, apabila Raja Zainal Abidin menunggang kuda melalui kawasan perkampungan, segala gadis memandang dan meminati dirinya, malahan ada yang memberikan bunga kepada Raja Zainal Abidin. Perkara ini sampai ke pengetahuan Sultan Mahmud, baginda tidak berasa senang dengan keadaan tersebut seolah-olah tidak mahu adiknya mendapat perhatian melebihi dirinya. Sultan Mahmud secara sembunyi telah mengarahkan pembunuhan adiknya secara misteri dan terancang (Wilkinson, 1935; Cheah, 1998). Komplot pembunuhan Raja Zainal Abidin dilakukan antara Sultan Mahmud dengan Hang Berkat yang sanggup melaksanakan arahan tersebut demi habuan yang diterimanya daripada baginda. Hang Berkat telah membunuh Raja Zainal Abidin di rumahnya dan kemudiannya Hang Berkat segera menghilangkan diri tanpa pihak lain mengetahui siapakah pembunuh yang sebenar (Yusof, 2015:172). Hanya kerana rupa paras yang lebih baik dan digilai oleh ramai wanita, Sultan Mahmud sanggup menitahkan agar adiknya sendiri dibunuh demi memuaskan hatinya yang sentiasa bersifat cemburu terhadap kelebihan orang lain. Peristiwa ini merupakan kisah pembunuhan yang melibatkan darah dagingnya sendiri selain daripada pembunuhan Bendahara Tun Mutahir yang merupakan pakciknya (abang kepada bonda baginda).

Sifat pentingkan diri baginda dan keterlaluan menurut hawa nafsu tidak dapat dibendung, malahan baginda sanggup melakukan apa sahaja agar niat dan kehendaknya tercapai. Sultan Mahmud juga dikatakan mendapat perkhabaran tentang kecantikan rupa paras Tun Teja, anakanda kepada Bendahara Pahang lalu berhajat untuk memperisterikannya. Namun begitu, Tun Teja merupakan tunangan kepada Sultan Pahang yang juga merupakan saudara baginda. Sultan Mahmud tahu akan perkara tersebut tetapi baginda tetap menginginkan Tun Teja untuk diperisterikan lalu menawarkan harta yang banyak kepada sesiapa yang mampu membawa pulang Tun Teja dari Pahang ke Melaka. Pada ketika pengumuman dibuat, Hang Nadim mula berfikir untuk melaksanakan tugas tersebut kerana inginkan kepercayaan dan sanjungan daripada baginda sultan (Yusof, 2015:162). Hang Nadim berangkat ke Pahang menjalankan misinya mendapatkan Tun Teja untuk Sultan Mahmud. Perkara ini dianggap satu bentuk penculikan setelah Tun Teja hilang tanpa pengetahuan Sultan Pahang kerana dilarikan ke Melaka.

Kehilangan Tun Teja mendatangkan kemurkaan Sultan Pahang. Baginda sangat murka sehingga mengamuk untuk menyerang dan merobohkan Istana Melaka dengan gajahnya. Berita kemurkaan baginda Sultan Pahang yang ingin merobohkan Istana Melaka sampai ke pengetahuan Sultan Mahmud. Baginda terlalu menurut hati dan perasaan. Tercabar dengan kemurkaan Sultan Pahang, Sultan Mahmud mahukan gajah milik Sultan Pahang dan menitahkan Laksamana Khoja Hassan melarikan gajah tersebut dibawa ke Melaka (Yusof, 2015:168-170). Laksamana Khoja Hassan bersetuju dan berangkat ke Pahang demi menunaikan kehendak Sultan Mahmud. Sepanjang berada di Pahang, Laksamana Khoja Hassan menggunakan taktik rasuah agar penjaga gajah bersetuju membiarkan gajah milik Sultan Pahang dilepaskan dan dibawa ke Melaka. Taktik tersebut berjaya dan akhirnya disedari oleh penduduk di sepanjang sungai yang melihat Laksamana menaiki kapalnya bersama gajah Sultan Pahang. Kisah yang terkandung dalam

Sejarah Melayu versi Siak yang diselenggara oleh Yusof (2015) memperlihatkan tindakan dendam Sultan Mahmud telah mengundang kemurkaan Sultan Pahang secara tidak langsung menyebabkan hubungan antara Pahang dan Melaka sebenarnya dingin dan saling berdendam.

Sifat Sultan Mahmud yang gemar berfoya-foya membawa kepada hilangnya perasaan hormat dan ketaatan terhadapnya dalam diam. Seperti yang telah dijelaskan di atas, baginda amat mudah tertarik dengan kecantikan mana-mana wanita seperti Tun Teja dan Tun Fatimah lalu dijadikan isterinya. Wilkinson (1935) dan Yusof (2015) juga ada memetik sifat kaki perempuan Sultan Mahmud. Walaupun memiliki isteri yang sah namun baginda juga memiliki gundik, tidak cukup dengan itu baginda pernah berlaku curang dengan isteri orang lain. Perkara ini dijelaskan oleh kedua-dua penulis ini apabila Sultan Mahmud telah didapati bersama isteri Tun Biajid ketika beliau tiada di rumah. Tun Biajid ialah anak kepada Laksamana Hang Tuah. Apabila Tun Biajid mengetahui perbuatan sultan, beliau sangat marah dan dikatakan melambung-lambung lembingnya untuk membunuh sultan. Namun disebabkan rasa taat setia kepada sultan, beliau tidak mahu menderhaka membunuh sultan:

“Hai Sultan Mahmud, demikianlah pekerjaan tuan hamba akan hamba. Sayangnya hamba pada tuan hamba. Jikalau bukan tuan hamba itu tuan kepada hamba, aku tikam dengan lembing ini kepada dadamu itu. Jika tiada kutikamkan, ubahlah aku, si Biajit, anak Laksamana Hang Tuah”.

Peristiwa tersebut menyebabkan Tun Biajid menceraikan isterinya. Sultan Mahmud kemudiannya menawarkan salah seorang gundik baginda iaitu Tun Rima Sendari untuk meredakan kemarahan Tun Biajid. Beliau bersetuju menerima Tun Rima Sendari dan mengahwini wanita tersebut dan kemudiannya menghilangkan diri meninggalkan Melaka (Wilkinson, 1935; Yusof, 2015:141).

Apabila tamadun berada dalam era kegemilangan, berlaku perubahan terhadap pendekatan pemerintah yang telah mula leka dengan kesenangan. Pemerintah berusaha untuk memonopoli kuasa dan mengukuhkan kuasa mereka yang sedia ada mutlak. Pemantauan rapi dilakukan agar tidak berlaku sebarang rampasan kuasa atau ancaman persaingan dalam pemerintahan kerajaan oleh pihak musuh ataupun saudara mara sendiri. Pada peringkat ini, pemerintahan bercorak kuku besi mengambil tempat dan ternyata berjaya menewaskan musuh-musuhnya. Apabila pemerintah berjaya memonopoli kuasa dan dibelenggu dengan ketamakan terhadap kuasa, ia menandakan tamadun tersebut berada dalam tahap kemewahan dan kesenangan. Dendam sultan berterusan dan kemudiannya berlaku peristiwa pembunuhan keluarga Tun Mutahir atas arahan sultan selepas Tun Mutahir difitnah oleh Raja Mendaliar, seorang syahbandar kerajaan Melayu Melaka. Raja Mendaliar bertelingkah dengan Nina Sura Dewana, seorang saudagar kaya raya di Melaka dan perkara itu dilaporkan kepada Bendahara Tun Mutahir. Disebabkan hari telah petang Bendahara Tun Mutahir meminta agar perkara tersebut dibincang dan diselesaikan keesokan hari. Walaubagaimanapun, pada malam hari, Nina Sura Dewana telah datang ke rumah Bendahara Tun Mutahir dan menyerahkan sejumlah emas dengan niat agar Bendahara Tun Mutahir menyebelahnya dalam pertemuan esok hari. Perbuatan rasuah ini telah diketahui oleh Si Kitul yang juga merupakan saudara kepada Raja Mendaliar lalu dikhabarkan kepada syahbandar itu. Raja

Mendaliar berasa marah dan segera berjumpa Laksamana Khoja Hassan yang amat rapat dengan sultan untuk menyampaikan berita tersebut. Namun, Raja Mendaliar bertindak menyampaikan fitnah dengan mengatakan bahawa Tun Mutahir akan menderhaka dengan cuba merampas kuasa daripada Sultan Mahmud dan sedang mendirikan sebuah istana mewah. Raja Mendaliar juga datang bertemu Laksamana Khoja Hassan dengan membawa harta sebagai hadiah (baca: rasuah dengan niat supaya Laksamana menyampaikan fitnah tersebut kepada sultan).

Rasuah merupakan suatu gejala yang mudah tersebar dan mampu melumpuhkan peraturan sosio ekonomi sesebuah peradaban. Rasuah juga menggugat pengagihan kekayaan secara teratur, mengkayakan orang-orang yang tidak jujur dan memiskinkan orang-orang yang jujur. Fitnah yang merupakan satu usaha mengadakan sesuatu keburukan terhadap diri orang lain tanpa bukti yang kukuh atau menokok tambah berita yang bertujuan untuk merosakkan nama baik seseorang itu boleh menimbulkan huru-hara dan pertumpahan darah yang berpanjangan, mengorbankan banyak nyawa dan harta benda. (Siti Nor Azhani & Adlina, 2012). Laksamana Khoja Hassan telah dipengaruhi oleh Raja Mendaliar lalu menyampaikan berita tersebut kepada baginda sultan. Disebabkan dendam lama tentang Tun Fatimah dan perasaan murka, tanpa usul periksa Sultan Mahmud telah mengarahkan agar Bendahara Tun Mutahir dan seluruh keluarganya dibunuh. Tun Fatimah dikecualikan daripada hukuman bunuh dan dijadikan isteri sultan manakala segala kekayaan harta milik keluarga Bendahara Tun Mutahir dirampas (Wilkinson 1912, 1935; Cheah 1998, Yusof 2015:190). Selain Tun Mutahir, anakandanya, Temenggong Tun Hasan, adiknya, Seri Nara Diraja Tun Tahir dan menantunya iaitu suami kepada Tun Fatimah, Tun Ali juga dihukum bunuh oleh sultan kerana dianggap bersubahat dalam rancangan Tun Mutahir untuk menderhaka walhal ia hanyalah fitnah yang dibawa oleh Raja Mendaliar dan Laksamana Khoja Hassan. Seorang lagi anak Bendahara Tun Mutahir, Tun Hamza yang masih kanak-kanak telah cedera pipinya dihiris pedang dari mulut ke telinga namun dia tidak dibunuh (Wilkinson 1935, Yusof 2015:191).

Peristiwa hitam ini menandakan fitnah telah menyebabkan pembesar yang hebat dan tidak bersalah dihukum bunuh tanpa pembelaan. Disebabkan perilaku taat setia dan tidak mahu menderhaka terhadap arahan sultan, Bendahara Tun Mutahir rela dihukum demi memastikan tidak mencetuskan keadaan yang lebih buruk. Walaubagaimanapun, segalanya sudah terlambat, umpama nasi sudah menjadi bubur apabila sultan menyedari tindakannya salah akibat termakan perbuatan fitnah yang disampaikan oleh Laksamana Khoja Hassan. Sultan Mahmud Syah I kemudiannya mengarahkan agar si pembuat fitnah, Raja Mendaliar dan konconya, Si Kitul dihukum bunuh bersama ahli keluarganya. Rumah dan segala isinya diarahkan dibakar serta merta (Yusof, 2015). Titah sultan mengarahkan hukuman bunuh dilaksanakan sesuka hati termasuklah melibatkan ahli keluarga yang tidak bersalah adalah perbuatan yang zalim, keterlaluan dan terlalu menurut hawa nafsu.

Kemewahan itu berpunca daripada kutipan cukai yang lumayan sama ada daripada rakyat mahupun pedagang bagi menampung perbelanjaan negara yang semakin meningkat. Pendapatan yang meningkat turut memperkaya para pemerintah dan membolehkan mereka berbelanja dengan boros. Golongan pemerintah dan rakyat mula mengubah cara hidup kepada bermewah-mewahan.

Antara pembesar yang diketahui mempunyai gaya hidup mewah ialah Tun Perpatih Putih yang juga dikenali sebagai Tun Puteh. Beliau dilantik menjadi Bendahara menggantikan abangnya, Tun Perak yang meninggal dunia, walaubagaimanapun Tun Putih tidak mempunyai karisma dan kehebatan seperti abangnya. Beliau juga didapati mempunyai sifat boros dan membazir. Kehidupan beliau mewah sehingga dengan sengaja membuang separuh baki lilin yang belum digunakan sedangkan separuh lagi bahagian lilin masih boleh digunakan (Wilkinson, 1935; Yusof, 2015:140). Kehidupan Tun Puteh yang boros juga dapat dilihat apabila tikar-tikar di rumahnya dibuang hanya kerana mempunyai dua, tiga lubang padanya walhal keadaan tikar tersebut masih baik dan boleh digunakan lagi. Pembaziran sebegini merupakan perkara biasa bagi golongan kaya seperti Tun Puteh tetapi ia satu sikap yang tidak dapat diterima oleh golongan masyarakat yang kehidupannya miskin dan serba sederhana (Wilkinson 1935).

Keghairahan seseorang terhadap harta benda mengubah gaya hidupnya dari sifat sederhana dan kuat jati diri kepada hidup bermewahan, pemikiran berubah menjadi lemah jati diri, lupa sejarah kegemilangan kerajaannya, lalu menyebabkan mereka jatuh dengan cepat. Teori ini menggariskan, manusia yang terpaksa bersusah payah untuk membina kehidupan akan lebih menghargai dan mengasihi peradabannya (Midgley, 1995:45) dalam (Rahimah A. Hamid , 2015). Kehidupan mewah biasanya mengikis kekuatan *asabiyyah* yang melemahkan mereka sehingga perlu bergantung kepada perlindungan tentera wilayah yang dikuasanya (Halim, Nor, & Hamid, 2012). Keadaan ini, menurut Ibnu Khaldun, muncul suatu kumpulan lain yang lebih kuat *asabiyyahnya* lalu menjatuhkan mereka untuk membina legasinya sendiri. Begitu juga yang terjadi kepada kerajaan Kesultanan Melayu Melaka yang bergantung kepada tentera upahannya. Kehadiran pelbagai etnik ini juga turut disertai oleh masyarakat serumpun seperti Jawa, Bugis dan Minangkabau. Kehadiran mereka pada mulanya mungkin dengan tujuan untuk berdagang sahaja tetapi bilangan etnik asing yang menetap di Melaka semakin berkembang dan mereka diterima sebagai rakyat Melaka. Fenomena ini menyebabkan kemajmukan etnik wujud di Melaka sehinggakan ramai individu dari etnik asing mula berkhidmat dalam pasukan tentera kerajaan Melaka selain daripada penduduk asal Melaka. Oleh sebab itu, tidak menghairankan apabila pasukan tentera Melaka terdiri daripada pelbagai etnik seperti Jawa, Bugis, Minangkabau, Turki dan Armenia (Yahaya, 1991).

Ketika era pemerintahan Sultan Mahmud Syah pada 1510 sebelum baginda menyerahkan takhta kepada anakandanya, Sultan Ahmad, dan sebelum kedatangan Portugis untuk kali kedua, berlaku keadaan tidak aman antara kerajaan Kesultanan Melaka dengan Aru dan Siam. Keadaan tegang telah mencetuskan situasi siap siaga sebagai persediaan peperangan. Berdasarkan sumber dari Suma Oriental karya Tom Pires, peperangan antara Melaka dan Aru disebabkan keinginan Sultan Mahmud sendiri untuk menakluk Aru. Baginda dilihat bersikap positif dalam hal ini kerana mahu memastikan Aru tunduk dibawah naungan Melaka demi menjamin sumber bekalan makanan dari Aru. Selain itu peperangan dengan Aru juga dipercayai dengan tujuan menyebarkan Islam di Aru yang pada ketika itu menganut agama Hindu (McRoberts, 1984). Maka Sultan Mahmud mengerahkan bala tentera dikumpulkan sebagai persiapan untuk menakluk Aru.

Dalam masa yang sama, menurut Varthema dalam Yahaya (1991), wujud kelonggaran dalam penguatkuasaan arahan dan undang-undang sejak 1506 sehingga mewujudkan masalah antara kerajaan Melaka dengan pihak tentera. Walaubagaimanapun apakah bentuk atau jenis masalah yang berlaku tidak dijelaskan dengan lanjut oleh Yahaya. Antara lain, Orang Laut yang merupakan penjaga perairan dan kawalan keselamatan Melaka dikenali sebagai kumpulan yang amat setia terhadap sultan namun dalam situasi yang dinyatakan oleh Varthema, wujud masalah sehingga menyebabkan Orang Laut mengugut untuk meninggalkan tugas mereka dan meninggalkan Melaka. Perkara ini menurut Yahaya (2009) terkandung dalam Sejarah Melayu dan secara tidak langsung konflik ini memburukkan lagi keadaan di Melaka sebelum ketibaan Portugis untuk misi penjajahan. Selain itu, Orang Laut merupakan kumpulan askar yang didatangkan dari kepulauan Riau-Lingga yang juga merupakan naungan kerajaan Melaka. Apabila berlaku serangan Portugis, bantuan tambahan dari kepulauan Riau-Lingga agak mustahil untuk tiba dengan cepat ke Melaka untuk membantu pertahanan Melaka (Wilkinson, 1935).

Persiapan Melaka untuk menyerang Aru turut disertai oleh pasukan tentera dari Palembang, Inderagiri, Minangkabau dan Pahang. Raja-raja dari wilayah tersebut segera menghantar bilangan tentera yang ramai untuk menyertai peperangan tersebut. McRoberts (1984) menyatakan, lebih kurang 100,000 orang tentera berada di Melaka sebelum Julai iaitu sebelum kedatangan Portugis. Peningkatan bilangan anggota tentera Melaka juga disebabkan berlaku pemberontakan di Aceh dan Pasai yang masing-masing mahu mengekalkan kedaulatan masing-masing dan tidak mahu dinaungi oleh kerajaan Kesultanan Melayu Melaka. Serangan terhadap Pasai dilakukan beberapa kali dan ternyata kekuatan tentera Pasai sukar untuk ditewaskan. Usaha membebaskan diri daripada penguasaan Melaka menyebabkan Sultan Mahmud meningkatkan kekuatan ketenteraannya untuk berhadapan dengan pemberontakan Aceh dan Pasai sekaligus mencetuskan perang saudara antara mereka. Masalah politik luaran ini dipercayai menjadi faktor mengapa Sultan Mahmud lebih banyak menumpukan isu luaran antara Melaka dengan Aru, Pasai dan Aceh berbanding mengambil serius soal kedatangan Portugis ke Melaka (McRoberts 1984).

Keadaan ini pada mulanya menimbulkan persoalan oleh McRoberts, bagaimanakah dengan kehadiran begitu ramai anggota tentera di Melaka namun tidak berjaya menahan dan mempertahankan kota Melaka daripada serangan Portugis. Walaubagaimanapun persoalan tersebut terjawab kerana jumlah anggota tentera yang ramai itu adalah disebabkan kesungguhan dan fokus Sultan Mahmud untuk menewaskan Aru, Pasai dan Aceh. Berkemungkinan McRoberts mengandaikan kempen ketenteraan yang terarah kepada perang saudara menyebabkan angkatan tentera Melaka tidak begitu tersusun dan kekurangan strategi apabila terpaksa berhadapan pula dengan serangan Portugis selepas berhadapan dengan perang saudara. Maka kesempatan dan peluang tersebut dimanfaatkan Portugis sehingga akhirnya berjaya membina legasinya di Melaka.

Menurut Ibn Khaldun, kemenangan dan kekuasaan sesebuah negara atau pasukan dalam sesebuah peperangan adalah berpunca daripada kemujuran dan kesempatan. Kebiasaannya, kemenangan sesuatu pasukan bergantung kepada

gabungan beberapa faktor seperti bilangan anggota tentera terlatih, persenjataan yang bermutu tinggi, bijaksana dalam menyusun barisan tempur dan menggunakan taktik yang betul. Kemenangan semakin mudah dicapai apabila faktor luaran ditokok pula dengan faktor terselindung seperti tipu daya manusia atau tersebarinya desas-desus yang menyebabkan berlakunya perbuatan berpaling tadah dalam kalangan rakyat (Aiza & Roshimah, 2016). Pernyataan ini amat jelas dan bertepatan dengan peristiwa serangan Portugis ke atas Melaka pada 1511. Berlakunya pengkhianatan dan sabotaj terhadap Melaka merupakan faktor yang dikenalpasti lebih memudahkan Portugis mencapai matlamatnya menewaskan Melaka. McRoberts menyokong bahawa disebabkan kelemahan pemerintahan Sultan Mahmud dan ditambah pula dengan kekuatan teknologi persenjataan Portugis serta kelicikan Alfonso d'Albuquerque sebagai agen kolonial, ia menjadi faktor penting kejatuhan kerajaan Kesultanan Melayu Melaka. Namun di sebalik itu, pedagang-pedagang yang berada di Melaka ketika berlakunya serangan turut sama menyumbang kepada kemenangan Portugis akibat sikap berpaling tadah mereka terhadap Melaka. Wilkinson (1912) dalam artikelnya menyebut, pedagang-pedagang India dan China cuba keluar dari pelabuhan untuk menyelamatkan diri ketika Portugis menjalankan serangan ke atas kota Melaka, namun kapal-kapal mereka telah dipintas oleh kapal-kapal Portugis. Situasi cemas tersebut menyebabkan para pedagang India dan China memohon perlindungan dan menawarkan bantuan untuk armada perang Portugis. Pada mulanya Portugis menolak tawaran tersebut kerana merasakan mereka sudah cukup bersedia dan mampu menyerang Melaka bersendirian. Hal ini merupakan faktor penting yang menjadi "duri dalam daging" kepada kerajaan Melaka apabila wujud pihak-pihak yang tidak diketahui, dengan sengaja menawarkan bantuan kepada Portugis demi menyelamatkan diri dan mendapatkan perlindungan daripada menjadi mangsa peperangan.

Sejak kunjungan pertama Portugis ke Melaka yang diketuai oleh Lopez de Sequiera, pedagang-pedagang Cina telah menunjukkan sikap ingin berbaik-baik dan menjalin hubungan dengan Portugis sehinggalah kepada penaklukan Melaka oleh Portugis (Hardjowijono, 1989). Tindakan ini dipercayai merupakan satu langkah demi kepentingan dan memelihara perdagangan para pedagang ini yang tidak mahu barang dagangannya musnah akibat serangan Portugis. Thomaz (1985: 59) juga menyatakan bahawa pedagang Cina cuba berbaik-baik dengan Portugis manakala pedagang India dikatakan mengambil sikap "tunggu dan lihat". Kedatangan Alfonso d'Albuquerque pada 1511 pula memperlihatkan kelicikannya apabila menawarkan rundingan bersama pedagang-pedagang yang ada di Melaka untuk membantunya menewaskan Melaka. Salah seorang pedagang dari Jawa, Utimutiraja merupakan antara individu yang 'bermuka-muka', beliau telah meminta perlindungan daripada Portugis dan berjaya mendapat 'pas perlindungan' selama tiga hari daripada Alfonso d'Albuquerque. Dalam masa yang sama, Utimutiraja juga membantu angkatan perang Melaka menentang Portugis (McRoberts 1984). Beliau dipercayai bersikap demikian demi menyelamatkan barang dagangan dan kepentingan perdaganganannya di Melaka. Pedagang Cina juga terlibat dalam rundingan atau komplot dengan Portugis. Ketika menghadapi perang saudara dengan Aru, Aceh dan Pasai, Sultan Mahmud pernah mengarahkan agar menahan kapal-kapal dagang

Cina dengan tujuan untuk dijadikan pengangkutan dalam misi tersebut. Perkara ini menimbulkan rasa tidak puas hati dalam kalangan pedagang Cina dan kemudiannya diketahui oleh Alfonso d'Albuquerque lalu berlaku rundingan antara mereka.

Pedagang Cina bersetuju untuk membawa keluar seorang utusan Portugis dan membawa khabar berita mengenai serangan Portugis di Melaka. Sebagai balasan mereka dilepaskan pulang ke China lebih awal dan terselamat daripada menjadi mangsa keadaan peperangan Portugis-Melaka. Pengkhianatan pedagang Cina juga dapat dilihat apabila ketika serangan dilakukan ke atas Melaka, Portugis didapati menggunakan kapal milik pedagang Cina yang tinggi dan besar untuk melakukan serangan. Kapal berkenaan dimuatkan dengan askar-askar Portugis dan senjata api lalu dilayarkan menghampiri jambatan Melaka ketika air pasang (Diffie, 1977: 258). Ketinggian dek kapal tersebut membolehkan askar-askar Portugis meninjau keadaan Melaka sekaligus memudahkan mereka mendaratkan askar-askar di atas jambatan dan menyerang angkatan tentera Melaka yang berada di jambatan tersebut dari atas kapal. Thomaz (1985: 59-60) juga menyatakan mengenai pengkhianatan pedagang Cina yang membantu Portugis menyediakan bot-bot untuk pendaratan Portugis di pantai Melaka.

Perkara yang sama juga dinyatakan oleh Arba'iyah (2014) iaitu sesetengah daripada para pedagang seperti dari Jawa dan Minangkabau malahan Raja Kampar yang kerajaannya bernaung di bawah kerajaan Melaka sanggup berpihak kepada Portugis demi mendapatkan perlindungan. Raja Kampar yang juga merupakan anak saudara Sultan Mahmud sanggup menjalin hubungan persahabatan dengan Portugis sehingga dilantik menjadi Bendahara apabila Portugis telah berjaya menakluk Melaka. Walaubagaimanapun pengkhianatan ini berlaku dipercayai akibat layanan buruk Sultan Mahmud terhadap para pedagang dan kekerasan baginda terhadap kerajaan seperti Kampar sehingga menyebabkan mereka berlaku tidak setia dan sanggup membiarkan Melaka ditewaskan Portugis (Arba'iyah, 2014). Begitu juga wujudnya bantuan daripada pedagang-pedagang Jawa, Burma dan India yang turut sama berterusan membantu Portugis memburu dan menyerang angkatan tentera dan kerabat diraja Melaka yang sudah berundur dan bertapak di Pagoh (Wilkinson, 1912).

Selain daripada pengkhianatan nyata pedagang-pedagang Cina, kebocoran maklumat juga berlaku akibat pengkhianatan salah seorang pedagang India yang bernama Naina Chattu. Dia cuba memainkan peranan sebagai orang tengah (mediator) antara Portugis dengan Bendahara ketika kedatangan pertama Portugis. Pada 1511 ketika kedatangan kedua Portugis, Naina Chattu masih lagi cuba berperanan sebagai mediator kali ini antara Portugis dengan sultan. Ketika Ruy de Araujo dipenjarakan oleh Sultan Mahmud pada 1509, Naina Chattu merupakan individu yang menyeludup keluar surat Araujo dari dalam penjara kepada Portugis di Goa (Thomaz, 1985: 59). Araujo mempunyai pengetahuan dan maklumat yang banyak mengenai apa yang berlaku dalam Melaka. Sepanjang dipenjarakan Araujo melihat kapal-kapal dagang berlabuh, terlepas, kawalan keselamatan, barang dagangan dan pelbagai lagi maklumat dalaman yang penting khususnya tentang kepentingan strategik jambatan Melaka (McRoberts, 1984). Apabila Araujo dibebaskan selepas mendapat desakan daripada Alfonso d'Albuquerque ketika

kedatangannya ke Melaka pada 1511, ia membawa kebocoran maklumat yang lebih besar mengenai kekuatan dan kelemahan kerajaan Melaka.

Pedagang yang meminta bantuan dan perlindungan Portugis dikatakan terselamat daripada kemusnahan dan perkampungan mereka juga selamat daripada serangan Portugis. Ketika berlaku pertempuran antara Portugis dengan tentera Melaka, pedagang-pedagang ini didapati mengibarkan bendera khas (Diffie, 1977) sebagai lambang mereka mendapat perlindungan dan tidak akan diserang oleh Portugis.

PENUTUP

Peristiwa yang berlaku adalah selari dengan apa yang dikatakan oleh Diffie (1977: 256) yang menyebut bahawa kelemahan utama kerajaan Melayu Melaka disebabkan *unpopularity its sultan's rule*. Namun begitu, tidak dinafikan kehebatan dan kecekapan pemerintahan sultan-sultan terdahulu sebelum era pemerintahan Sultan Mahmud Syah I. Diffie menyatakan lagi, sultan Mahmud telah menunjukkan penyalahgunaan kuasa dan berlaku tidak adil terhadap masyarakat dan para pedagang. Kenyataan Diffie mempunyai asas kerana apabila Portugis tiba kali pertama di Melaka pada 1509, kehadiran Portugis disambut baik oleh pedagang-pedagang China yang mengadu bahawa mereka tidak dilayan dengan baik oleh sultan dan kerajaan Kesultanan Melayu Melaka (Diffie, 1977: 256).

Keperibadian dan moral Sultan Mahmud Syah I sebagai seorang sultan boleh dikatakan mendukacitakan dan perkara ini telah dijangka oleh almarhum ayahandanya, akan membawa kemusnahan kepada kerajaan Melaka. Adat Melayu tidak menderhaka namun disebalik ketaatan dan kesetiaan terhadap baginda sultan, pastinya ada perasaan tidak puas hati, kecewa dan pemberontakan dalam diam dalam kalangan pembesar dan anggota masyarakat. Perpecahan, konflik dalaman dan ketidaksetiaan berlaku sedikit demi sedikit menyumbang kepada salah satu faktor keruntuhan empayar Kesultanan Melayu Melaka, seperti apa yang diperkatakan oleh Wan Hashim (1997):

"Kejatuhan Melaka sebagai sebuah kerajaan dan menara tamadun Islam yang pertama di Alam Melayu ini adalah kerana kalah berperang kepada sebuah kuasa Eropah. Tetapi tidak kurang pentingnya ialah kelemahan dalaman akibat fitnah-memfitnah dan hasad dengki di kalangan orang besarnya serta Sultan Mahmud yang berkuasa dan memerintah lebih banyak mengikut perasaan dan hawa nafsu seperti kata pepatah, "bersultan di mata beraja di hati" dan tidak patuh kepada prinsip raja pemerintah yang adil seperti yang dituntut oleh Islam" (Wan Hashim, 1997 dlm. Mohd Azhar, et al., 2004).

Runtuhnya kerajaan-kerajaan tamadun Islam suatu masa dahulu seperti dinasti Muawiyah, Abbasiyah, Moghul, kerajaan Islam Sepanyol Andalusia, kesultanan Melayu Melaka dan kerajaan Islam terakhir, empayar Turki Uthmaniyyah. Seperti yang dijelaskan oleh Alattas, kejatuhan kerajaan-kerajaan ini adalah akibat kelemahan dan penyelewengan yang berlaku dalam kalangan pemerintah. Pemerintah dan rakyat yang alpa dengan kemewahan, mencintai hedonisme,

membina istana mewah sehingga abaikan rakyat miskin dan berlaku zalim akhirnya menerima padah kehilangan sebuah kerajaan yang besar dan juga kekayaannya. Hal ini amat bertepatan dengan apa yang berlaku dalam era kejatuhan kerajaan Melayu Melaka apabila berlaku pelbagai salah laku dalam kalangan sultan dan pembesarnya khususnya ketika era pemerintahan Sultan Mahmud Syah. Berdasarkan teori Ibnu Khaldun, semangat kekitaan yang semakin luntur dalam kalangan pembesar dan rakyat Melaka menyebabkan konflik dan perpecahan berterusan demi mengejar kuasa, pangkat dan kekayaan. Lebih memburukkan keadaan apabila wujudnya adu domba, pengkhianatan dan kezaliman raja kerana terlalu mengikut perasaan, hawa nafsu dan pentingkan diri (Önder & Ulaşan, 2018).

Semangat kekitaan merupakan satu elemen yang mempengaruhi kekuatan dan kelemahan sesebuah tamadun. Perkara ini dijelaskan oleh teori Ibnu Khaldun yang menjelaskan mengenai perubahan kuasa yang berulang-ulang. Beliau menyatakan, kuasa raja dan dinastinya boleh dipertahankan jika masyarakat dalam pemerintahannya mempunyai semangat kekitaan yang kukuh. Semangat ini akan mendorong kepada tindakan agresif dan defensif terutamanya apabila berdepan dengan musuh yang mengancam kedaulatan kerajaan dan negara. Logiknya, setiap anggota masyarakat yang mempunyai semangat kekitaan akan saling menyayangi, sanggup berjuang dan rela terkorban demi menjaga kepentingan bersama. Ibnu Khaldun menjelaskan lagi melalui perkiraannya, semangat kekitaan hanya boleh bertahan selama 120 tahun atau selama tiga generasi sekiranya satu generasi memerintah lebih kurang 40 tahun dalam sesebuah tamadun atau mungkin lebih awal daripada jangkaan tempoh masa tersebut (Misran, 2009).

Hilangnya semangat kekitaan disebabkan generasi yang terkini hidup dalam keadaan yang merasai nikmat kesenangan, kemewahan, mengutamakan kebesaran pangkat sehingga lalai terhadap tanggungjawab kepada bangsa, agama dan negara. Tamadun yang terbina sejak sekian lama pada awalnya cemerlang dan berkuasa akhirnya jatuh dan kemudiannya diambil alih atau bertukar kepada sebuah kerajaan yang lain. Hal ini berlainan dengan sikap yang ditonjolkan oleh generasi terdahulu yang bersusah payah mendirikan kerajaan dan mencipta kemasyhuran kerajaannya. Usaha untuk mengekalkan kedaulatan, membina kekuatan dan kemajuan mengambil masa yang lama dan memerlukan daya pemerintahan yang hebat. Sikap ini diikuti oleh beberapa pewaris yang seterusnya sehinggalah tiba pada satu generasi yang tidak merasai kesusahan yang dialami oleh generasi terdahulu. Faktor kejatuhan sesebuah empayar atau tamadun tidak harus dipertanggungjawabkan kepada rakyatnya, tetapi pemerintah itu sendiri yang menjadi faktor utama kepada sesuatu kelemahan. Terdapat beberapa hasil kajian menunjukkan pemerintah terdahulu banyak melakukan penyelewengan, penindasan, rasuah dan kezaliman seperti yang pernah berlaku dalam kerajaan Islam, Yunani, Romawi dan Parsi termasuklah kerajaan Kesultanan Melayu Melaka.

Rujukan

- Kerajaan Melayu Melaka Bermula pada 1262: Ahli Akademik*. (2011, Oktober 8). Retrieved Julai 23, 2019, from mstar.com: <https://www.mstar.com.my/lokal/semasa/2011/10/08/kerajaan-melayu-melaka-bermula-pada-1262ahli-akademik>
- Abdul Rahman Ismail, Abdullah Zakaria Ghazali , & Zulkanain Abdul Rahman. (2012). *Penemuan Tarikh Baru Pengasasan Empayar Kerajaan Melayu Melaka 1262*. Melaka: Institut Kajian Sejarah dan Patriotisme (IKSEP).
- Afifah Abu Yazid. (2003). *Pengajian Tamadun Asia*. Pahang: PTS Publication and Distributors.
- Ahmad Fauzi Abdul Hamid . (2013). Sumbangan Golongan Syed dalam Islamisasi Dunia Melayu. In N. Zainun, R. A. Hamid, & M. K. Rahman, *Kearifan Tempatan: Pengalaman Nusantara: Jilid 1 - Berasal dari Akar* (pp. 112-130). Pulau Pinang: Penerbit USM.
- Ahmad Jelani Halimi. (2008). *Sejarah dan Tamadun Bangsa Melayu*. Kuala Lumpur: Utusan Publication and Distributors.
- Ahmed Adam Okene, & Shukri Ahmad . (2011). Ibn Khaldun, Cyclical Theory and the Rise and Fall of Sokoto Caliphate, Nigeria, West Africa. *International Journal of Business and Social Science*, 80-91.
- Aiza, & Roshimah. (2016). Kejatuhan Pemerintahan Menurut Pemikiran Ibnu Khaldun. *Afkar* , 89-114.
- Arba'iyah Mohd Noor . (2014). Paparan Nilai Dalam Sistem Pemerintahan Melayu Menerusi Sejarah Melayu dan Tuhfat al-Nafis. *Persidangan Antarabangsa Manuskrip Melayu* (pp. 1-24). Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia.
- Baali, F. (1988). *Society, State and Urbanism: Ibnu Khaldun's Sociological Thought*. New York: State University of New York Press.
- Bailey W. Diffie, George D. Winius. (1977). *Foundation of the Portuguese Empire 1415-1580*. USA: University of Minnesota Press .
- Bolton, A. (2017, May 1). *Ibn Khaldun on Luxury and the Destruction of Civilizations*. Retrieved October 14, 2019, from The Fountain : <https://fountainmagazine.com/2017/issue-117-may-june-2017/ibn-khaldun-on-luxury-and-the-destruction-of-civilizations>
- Darling, L. (2007). Social Cohesion ('Asabiyya) and Justice in the Late Medieval Middle East. *Comparative Studies in Society and History*, 329-357.
- Ezad Azrai Jamsari, Noranizah Yusuf, Mohamad Zulfazdlee Abul Hassan Ashari, & Adibah Sulaiman. (2011). Sejarah Kerajaan Islam di al-Andalus menurut Buku Sejarah Umat Islam karya Hamka. *Prosiding Nadwah Ulama Nusantara* (pp. 167-172). Bangi: UKM.
- Halim, A. A., Nor, M. R., & Hamid, A. Z. (2012). Ibnu Khaldun's Theory of Asabiyyah and its Application in Modern Muslim Society . *Middle-East Journal of Scientific Research* , 1232-1237.
- Hashim, M. Y. (2015). *Sejarah Melayu (Sulalatus Salatin) Versi Siak* . Melaka : Penerbit KUIM .
- Karen Armstrong. (2000). *Islam: A Short History*. New York: Modern Library.

- Kheng, C. B. (1998). The Rise and Fall of the Great Melakan Empire: Moral Judgement in Tun Bambang's "Sejarah Melayu". *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society*, 71(275), 104-121.
- M. Umar Chapra. (2008). *Muslim Civilization: the Causes of Decline and the Need for Reform*. United Kingdom: The Islamic Foundation.
- McRoberts, R. W. (1984). An Examination of the Fall of Melaka in 1511. *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society*, 57(246), 26-39.
- McRoberts, R. W. (1991). A Study in Growth: An Economic History Of Melaka 1400 — 1510. *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society*, 47-78.
- Mohamad Nurhakim. (2008). *Jatuhnya Sebuah Tamadun*. Selangor: PTS.
- Mohammad Abdullah Enan. (2015). *Ibnu Khaldun: Riwayat Hidup dan Karyanya*. Kuala Lumpur : Institut Terjemahan dan Buku Malaysia .
- Mohd Roslan Mohd Nor. (2011). *Sejarah perkembangan dan kejatuhan pemerintahan Islam di Andalusia: teladan dan sempadan*. Retrieved November 24, 2019, from Academia: https://www.academia.edu/3019676/Sejarah_perkembangan_dan_kejatuhan_pemerintahan_Islam_di_Andalusia_teladan_dan_sempadan
- Muhammad Yusof Hashim. (1990). *Kesultanan Melayu Melaka*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhsin Mahdi. (2014). *Falsafah Sejarah Ibnu Khaldun: Kajian tentang Dasar Falsafah Ilmu Budaya*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan & Buku Malaysia Berhad.
- Omar, M., Sudarjo, & Suud, A. (1994). *Sejarah Daerah Jawa Tengah*. Jakarta : Direktorat Jenderal Kebudayaan.
- Önder, M., & Ulaşan, F. (2018). Ibnu Khaldun's Cyclical Theory on the Rise and Fall of Sovereign Powers: The Case of Ottoman Empire. *Adam Akademi Journal of Social Sciences*, 231-266.
- Osman Bakar, Azizan Baharuddin & Zaid Ahmad. (2018). Modul Pengajian Tamadun Islam dan Tamadun Asia. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Philip K. Hitti. (2002). *History of the Arab; from the Earliest Times to the Present* (R. Cecep Lukman Yasin & Dedi Slamet Ritadi, terj). New York: Polgrave Macmilan.
- Rahimah A. Hamid . (2015). *Kearifan Tempatan: Pandainya Melayu dalam Karya Sastera*. Pulau Pinang: Penerbit USM.
- Sharif, A. M. (2016, Oktober 27). *Kegemilangan dan kemerosotan umat islam dalam usaha membina masyarakat berfikir*. Retrieved Ogos 11, 2019, from Repositori Kazanah Melayu: <http://melayu.library.uitm.edu.my/2289/>
- Sidi Gazalba. (1986). *Masyarakat Islam: Pengantar Sosiologi dan Sosiografi*. Kuala Lumpur: Pustaka Antara.
- Siti Nor Azhani , & Adlina . (2012). Teori Kitaran Ibnu Khaldun dan Pemeraksanaan Bahasa Kebangsaan dalam Persekitaran Multi Etnik. *Proceeding Regional Conference on Cross Cultural Communication and National Integration*, (pp. 141-151). Kuala Lumpur.

- Suhaila Abdullah. (2013). Effect of Malay-China Trade Relations During the Malacca Sultanate on the Emergence of Chinese Peranakan Community. *World Journal of Islamic History and Civilization*, 143-149.
- Suhaila Sharil. (2017). Kegagalan Melaksanakan Pemerintahan Islam Punca Kehilangan Kuasa Islam di Andalus. *Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemusiaan* (pp. 1-14). Selangor: KUIS.
- Syaimak Ismail, & Mohamad Firdaus Mohd Isa. (2018). Kegemilangan Islam di Melaka. *Prosiding Kolokium Penyelidikan Kebangsaan* (pp. 915-929). Melaka: Penerbit KUIM.
- T. Wahidin Soekarno. (1985). *Pendidikan Agama: Asabiyah dan Gejolak Hidup Manusia*. Kuala Lumpur: Al-mizan.
- Wan Hashim Wan Teh . (1997). *Tamadun Silam dan Pembinaan Tamadun Abad ke-21*. Bangi : Penerbit UKM.
- Wan Mohd Fazrul Azdi Wan Razali . (2018). Al-Ashcariyyah Menurut Ibn Khaldun: Sejarahwan dan Ahli Sosiologi. *Prosiding Seminar Kebangsaan Asyairah Ahli Sunah Waljamaah 2.0* (pp. 1-19). Bangi : Penerbit UKM.
- Wilkinson, R. (1912). The Capture of Malacca, A.D. 1511. *Journal of the Straits Branch of the Royal Asiatic Society*, 71-76.
- Wilkinson, R. J. (1935). The Malacca Sultanate. *Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society*, 13(122), 22-67.
- Winstedt, R. (1935). A History of Malaya. *Journal of the Malayan Branch Royal Asiatic Society (JMBRAS)*, 52.
- YADIM. (2015, Februari 12). *Muqadimah Ibn Khaldun dan peradaban ilmu Islam*. Retrieved September 2, 2019, from Yaysan Dakwah Islamiah Malaysia: <https://www.yadim.com.my/v2/muqadimah-ibn-khaldun-dan-peradaban-ilmu-islam/>
- Zainal Abidin Abdul Wahid. (1990). Kerajaan Melaka dalam Hubungan Antarabangsa. *JEBAT*, 71-87.
- Zarina Muhammad. (2002). Sejarah Perkembangan Tamadun Islam. Dlm, Hj. Ahmad Fauzi Hj. Morad & Ahmad Tarmizi Talib. *Tamadun Islam*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.